

PESILAT KELANTAN

Jangan langgar disiplin

Oleh **AZMAN MAHMOOD**

PESERTA-PESERTA silat olahraga Kelantan diingatkan jangan melanggar disiplin yang ditetapkan oleh Majlis Sukan Negara di sepanjang pertandingan Sukan Malaysia (Sukma), bulan depan.

Ketua jurulatih silatnya, Mohd Noor Mahmud, berkata Majlis Sukan Negeri akan mengambil tindakan tatatertib terhadap mereka jika didapati melanggar peraturan dan disiplin di sepanjang pertandingan.

Katanya, antara tindakan yang akan diambil ialah menghantar pulang dan mungkin tidak akan membenarkan lagi menyertai pertandingan itu di kejohanan-kejohanan dalam negeri.

Menurutnya, Kelantan tahun ini akan menghantar 13 pesilat olahraga, termasuk tiga wanita.

"Kita tidak mahu kekecohan seperti yang berlaku di Kejohanan Silat Kebangsaan di Port Dickson Julai lalu, berulang di Sukma," katanya.

Mengenai prestasi pesilat yang akan mewakili Kelantan ke Sukma, beliau berkata Kelantan yakin dapat memenangi pingat.

"Kita akan berusaha mendapatkan sekurang-kurangnya tiga pingat emas melalui silat sebagai menepati matlamat Majlis Sukan Negeri," ujarnya.

Bagaimanapun, Mohd Noor berkata Kelantan kali ini tidak dapat menghantar tiga peserta wanita — Wan Amizah Wan Ahmad, pemenang gangsa di Kejuaaran Silat Sedunia, Faridah Mansor dan Che Rohani Che Abdul Hamid — kerana menghadapi peperiksaan.

"Kita juga tidak menghantar Azam Haji Abas, juga pemenang pingat emas Silat Sedunia, Wan Adhan Isa dan Mohammad Zaid, peserta di Kejohanan Silat Kebangsaan di Port Dickson, kerana lebih umur," katanya.

Walaupun tanpa mereka, Mohd Noor berkata harapan memenangi satu pingat adalah cerah memandangkan kebolehan peserta yang akan menyertai kejohanan itu setaraf antara satu sama lain.

Mereka berupaya memberi tentangan kepada setiap pencabar di sukan itu.

BARISAN PESILAT: Kamaruzaman Yaacob (Kelas D, Tuan Zailani Tuan Soh (B), Zulkifli Sha-fei (E), Sabirin Abdul Hamid (C), Rumizu Osman (A), Rusdi Rejab (F), Che Mohammad Che Hassan (G), Mohd Noor Afendi Mahmud (H), Sazali Said (I), Che Hasnah Che Ahmad (B), Norashikin Che Yaacob (C) dan Rohana Ismail (E).



■ **IMBAS KEMBALI...**Wan Amizah Wan Ahmad (kiri) pemegang pingat gangsa di Kejohanan Silat Sedunia bersama rakan sepelatih, Salbiah.